



KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA  
MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 5 TAHUN 1980

SUKATAN PEPERIKSAAN AM KERAJAAN (BARU)

**Tujuan**


Tujuan Pekeliling ini ialah untuk mengemukakan kandungan Sukatan Peperiksaan Am yang baru seperti di Lampiran "A" yang mana berkuatkuasa mulai 1hb Disember, 1980.

**Objektif-objektif**

2. Peperiksaan Am Kerajaan telah diperkenalkan mulai 1hb Januari, 1978 sebagai salah satu syarat pengesahan dalam jawatan bagi Pegawai-pegawai Kumpulan A dan B dalam Perkhidmatan Awam termasuk Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan. Pengenalan Peperiksaan Am Kerajaan itu adalah berasaskan kepada hakikat bahawa pegawai-pegawai kerajaan merupakan jentera penggerak kepada pembangunan dan kemajuan negara. Memandangkan peranan pegawai-pegawai kerajaan di dalam pembangunan dan pentadbiran kerajaan, adalah penting bagi pegawai-pegawai ini bukan sahaja berkeupayaan menjalankan tugas-tugas dengan licin tetapi juga mempunyai penuh dedikasi dan rasa tanggungjawab demi meninggikan mutu perkhidmatannya. Peperiksaan Am Kerajaan merupakan satu usaha ke arah melengkapkan pegawai-pegawai kerajaan dalam Kumpulan A dan B bagi mencapai matalamat tersebut itu. Berdasarkan rasional inilah, maka objektif-objektif Peperiksaan Am Kerajaan itu digariskan, iaitu:

- (a) Untuk meninggikan pengetahuan dan kesedaran serta menanamkan perasaan tanggungjawab terhadap dasar-dasar kerajaan ke arah pembentukan satu bangsa yang bersatupadu; dan
- (b) Untuk meninggikan mutu perkhidmatan dalam kerajaan.

3. Daripada objektif-objektif yang ditetapkan itu, faktor-faktor yang perlu untuk mencapai objektif-objektif yang ditetapkan itu dapat digambarkan melalui rajah berikut:



4. Rajah di atas menerangkan bahawa untuk memupuk sikap rasa tanggungjawab serta meninggikan pengetahuan, pegawai-pegawai kerajaan perlu memahami keadaan di sekelilingnya, iaitu pergolakan-pergolakan dan perkembangan dari segi sosial, politik dan ekonomi dan juga mengetahui polisi-polisi kerajaan serta rasional di sebalik polisi-polisi ini. Pengetahuan mengenai keadaan sekeliling dan juga mengenai fungsi-fungsi kerajaan bukan sahaja akan menimbulkan kesedaran tanggungjawab dan semangat dedikasi seseorang pegawai di dalam menjalankan tugas-tugasnya, tetapi juga akan menambahkan kecekapan serta meningkatkan mutu perkhidmatan mereka. Untuk memastikan bahawa pegawai-pegawai itu benar-benar dapat mencapai taraf perkhidmatan yang tinggi, mereka juga perlu memahami jentera kerajaan, mengetahui struktur pentadbiran negeri, memahami cara-cara bagaimana jentera itu berjalan dalam pelaksanaan rancangan-rancangan kerajaan serta juga panduan-panduan yang perlu dipatuhi dan diikuti supaya jentera kerajaan berjalan dengan lancarnya.

5. Kandungan Sukatan Peperiksaan Am Kerajaan yang baru ini mengandungi dua bahagian. Bahagian I ialah mengenai latarbelakang masyarakat, ekonomi dan sistem Pentadbiran Malaysia, bertujuan untuk mencapai objektif pertama. Bahagian ini mengandungi empat aspek, iaitu aspek-aspek sosial, politik, ekonomi Malaysia dan memahami dasar-dasar kerajaan. Manakala Bahagian II pula ialah mengenai jentera Pentadbiran Kerajaan, bertujuan untuk mencapai objektif kedua. Bahagian ini memerlukan pengetahuan tentang susunan jentera kerajaan termasuk fungsi-fungsi umum Agensi-agensi Pusat dan juga mengenai teori dan tatacara struktur pentadbiran kerajaan yang berkesan. Di samping itu diselitkan juga perkara-perkara mengenai tatasusila dan etika perkhidmatan kerajaan termasuk Panduan Perkhidmatan Cemerlang.

#### **Tarikh Pelaksanaan**

6. Pelaksanaan Sukatan Peperiksaan Am Kerajaan yang baru ini adalah dijalankan melalui dua peringkat seperti berikut:

- (a) Semenanjung Malaysia—mulai 1hb Disember, 1980;
- (b) Sabah dan Sarawak—mulai 1hb Julai, 1981.

#### **Pengecualian**

7. Pada hakikatnya pengecualian daripada syarat lulus Peperiksaan Am Kerajaan tidak diberi bagi maksud pengesahan dalam jawatan bagi jawatan-jawatan dalam Kumpulan-kumpulan A dan B. Walau bagaimanapun, pengecualian dari keseluruhan peperiksaan atau sebahagian daripadanya adalah diberi kepada pegawai-pegawai dalam golongan berikut:

- (a) Pegawai-pegawai yang telah lulus Peperiksaan Bahasa Malaysia Kerajaan Darjah I atau Darjah II **sebelum** Peperiksaan Am Kerajaan diperkenalkan iaitu 1hb Januari, 1978—diberi pengecualian keseluruhan peperiksaan;
- (b) Pegawai-pegawai yang telah dikecualikan dari syarat lulus peperiksaan Bahasa Malaysia Kerajaan Darjah I atau Darjah II **sebelum** 1hb Julai, 1977—diberi pengecualian keseluruhan peperiksaan;
- (c) Pegawai-pegawai dalam Kumpulan A atau B yang telah disahkan dalam jawatan dan kemudiannya dilantik ke jawatan lain yang setaraf atau yang lebih tinggi di dalam kumpulan-kumpulan gaji yang sama atau yang lebih tinggi—diberi pengecualian keseluruhan peperiksaan.
- (d) Pegawai-pegawai yang telah lulus salah satu Bahagian Sukatan Peperiksaan Am Kerajaan yang lama—
  - (i) Lulus Bahagian I (sukatan lama)—diberi pengecualian bagi Bahagian II (sukatan baru),
  - (ii) Lulus Bahagian II (sukatan lama)—diberi pengecualian bagi Bahagian I (sukatan baru).

#### **Tawaran Jawatan**

8. Tiap-tiap surat tawaran jawatan yang akan dikeluarkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan atau pihak berkuasa melantik yang berkenaan bagi perlantikan ke jawatan dalam Kumpulan A dan B hendaklah mengandungi syarat lulus Peperiksaan Am Kerajaan **di samping** syarat dikehendaki

lulus Peperiksaan Jabatan yang ditetapkan mengikut skim perkhidmatan berkenaan bagi maksud pengesahan. Bagaimanapun, bagi perlantikan ke jawatan dalam Kumpulan A dan B di negeri Sabah dan Sarawak, syarat ini hendaklah dilaksanakan pada dan selepas 1hb Julai, 1981.

#### **Urusan Peperiksaan Am Kerajaan**

9. Peperiksaan Am Kerajaan ini akan diuruskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam, Malaysia di bawah kawalan Lembaga Peperiksaan Am Kerajaan yang dipengerusikan oleh Ketua Pemeriksa yang dilantik oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam. Pemeriksa-pemeriksa ini akan dipilih oleh Ketua Pemeriksa dan perlantikannya adalah tertakluk kepada persetujuan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam.

10. Peperiksaan Am Kerajaan akan diadakan dua kali setahun iaitu dalam bulan Jun dan Disember. Pengendalian peperiksaan ini akan diumumkan oleh Urusetia Peperiksaan, Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam. Semua keputusan peperiksaan yang diumumkan oleh Lembaga Pemeriksa adalah muktamad dan sebarang rayuan terhadapnya tidak akan dilayan.

#### **Pemakaian**

11. Pekeliling ini hendaklah dipakai oleh semua Kementerian/Jabatan Persekutuan/Pentadbiran Negeri/Badan Berkanun/Kuasa Tempatan. Dalam hal ini, pihak-pihak Berkuasa Badan-badan Berkanun dan Kuasa Tempatan adalah dikehendaki menentukan pelaksanaan Pekeliling ini bagi pegawai-pegawai mereka dalam Kumpulan A dan B sebagai satu daripada syarat-syarat pengesahan dalam jawatan.

#### **Pembatalan**

12. Surat-surat Pekeliling Perkhidmatan berikut adalah dibatalkan mulai daripada 1hb Disember, 1980:

- (a) Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 16 tahun 1977 bertarikh 15hb Julai, 1977. (Peperiksaan Am Kerajaan).
- (b) Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 13 tahun 1977. (Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan) bertarikh 30hb Ogos, 1977. (Peperiksaan Am Kerajaan).
- (c) Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 tahun 1979 bertarikh 31hb Mei, 1979. (Pengecualian daripada syarat lulus Peperiksaan Am Kerajaan).
- (d) Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 tahun 1979 (Badan-badan Berkanun dan Kuasa-kuasa Tempatan) bertarikh 13hb Mei, 1979. (Pengecualian daripada syarat lulus Peperiksaan Am Kerajaan).
- (e) Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 14 tahun 1979 bertarikh 21hb Ogos, 1979. (Perlaksanaan Peperiksaan Am Kerajaan di Sabah dan Sarawak).

**TAN SRI HASHIM BIN AMAN,**  
*Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,*  
*Malaysia*

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM,  
MALAYSIA,  
BANGUNAN UMBC,  
KUALA LUMPUR.

27hb Jun, 1980

PEPERIKSAAN AM KERAJAAN

1. Keseringan dan tarikh Peperiksaan ... Dua kali setahun iaitu dalam bulan Jun dan Disember.
2. Pusat Peperiksaan ... Akan ditentukan oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia.
3. Permohonan dikemukakan kepada ... Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia.
4. Tarikh terakhir mengemukakan permohonan ... Sebulan sebelum tarikh peperiksaan.
5. Sukatan Peperiksaan (termasuk masa, markah dan soalan) ... Peperiksaan ini adalah terbahagi kepada dua kertas seperti berikut:

BAHAGIAN I—Latarbelakang masyarakat, ekonomi dan sistem pentadbiran Malaysia.

A. *Sosial*

- (i) Asal usul (sejarah ringkas) kaum-kaum di Malaysia.
- (ii) Ciri-ciri masyarakat majmuk.
- (iii) Masalah Perpaduan.

B. *Politik*

- (i) Kemerdekaan dan perkembangan sebelumnya—langkah-langkah dan peristiwa (events) ke arah pembentukan satu negara yang berdaulat.
- (ii) Pembentukan Malaysia.
- (iii) Perlembagaan Malaysia dan hubungan antara Kerajaan Persekutuan dan Negeri.
- (iv) Sistem Kerajaan Berparlimen di Malaysia.
- (v) Malaysia dan politik serantau—pembentukan ASEAN, kegiatan dalam pergerakan negara-negara Berkecuali, peranan dalam Kommonwel dan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu.
- (vi) Keselamatan Negara.

C. *Ekonomi Malaysia*

- (i) Latarbelakang dan sistem ekonomi Malaysia semenjak 1900.
- (ii) Faktor-faktor yang menentukan keteguhan ekonomi Malaysia—kesetabilan politik dan sosial.
- (iii) Perbezaan dan pengimbangan kedudukan ekonomi.

D. *Memahami Dasar-dasar Kerajaan*

- (i) Perpaduan masyarakat di seluruh Malaysia.

- (ii) Konsep perpaduan.
- (iii) Menyusun semula masyarakat Malaysia.
- (iv) Sistem pelajaran kebangsaan sebagai alat perpaduan.
- (v) Memperseimbangkan kedudukan ekonomi.
- (vi) Dasar Pembangunan.
- (vii) Rancangan Lima Tahun Malaysia.

Bahagian ini terbahagi kepada 2 seksyen:

*Seksyen A*—soalan objektif

Markah ... 40

Masa ... 30 minit.

*Seksyen B*—soalan-soalan yang memerlukan jawapan berbentuk essei.

Markah ... 60

Masa ... 2½ jam.

**BAHAGIAN II—Jentera Pentadbiran Kerajaan.**

- A. (i) Susunan jentera pentadbiran—struktur Kementerian-kementerian/Kerajaan Negeri/Kerajaan Tempatan serta pertalian dengan Badan-badan Berkanun di peringkat Persekutuan dan Negeri.
- (ii) Fungsi-fungsi umum Agensi-agensi Pusat Kerajaan.
- B. (i) Cara-cara untuk meninggikan lagi kecekapan dan mutu perkhidmatan awam.
- (ii) Sistem pentadbiran dan jentera pelaksanaan yang berkesan.
- C. (i) Tatasusila dalam perkhidmatan Kerajaan—Bab D Perintah Am.
- (ii) Ethika Perkhidmatan Kerajaan—Panduan Perkhidmatan Cemerlang.

Bahagian ini terbahagi kepada 2 seksyen:

*Seksyen A*—soalan-soalan objektif

Markah ... 40

Masa ... 30 minit.

*Seksyen B*—soalan-soalan yang memerlukan jawapan berbentuk essei.

Markah ... 60

Masa ... 2½ jam.

Calon-calon *tidak dibenarkan* merujuk kepada bahan-bahan bacaan/teks rujukan.

- 6. Keputusan ... .. Lulus atau Kandas.
- 7. Pengecualian ... .. Seseorang calon yang lulus mana-mana Bahagian adalah dikecualikan daripada mengambil Bahagian itu.

8. Pegawai-pegawai yang disyaratkan/berkelayakan mengambil peperiksaan ini Pegawai-pegawai Kerajaan yang dilantik dalam Kumpulan A dan B.
9. Tujuan Peperiksaan ... .. Sebagai salah satu syarat bagi maksud pengesahan dalam jawatan.

**Bahan Rujukan**

- Rujukan Utama ... .. Buku Panduan dan Rujukan Peperiksaan Am Kerajaan—Terbitan Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN).
- Rujukan lain ... ..
- (i) Perlembagaan Malaysia.
  - (ii) Rancangan Lima Tahun Semasa.
  - (iii) Perintah Am.
  - (iv) Arahan Perbendaharaan.
  - (v) Arahan Perkhidmatan.
  - (vi) Buku Panduan Perkhidmatan Cemerlang.